

KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN LEMBAGA PENGURUSAN MPC (BOM)

TAJUK	Cadangan Lantikan MPC sebagai Sekretariat Pengiktirafan Centre of Excellence Bagi Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (COE KKP)
TARIKH/ GARIS MASA	April – Disember 2023
TUJUAN & LATAR BELAKANG	i) COE KKP diwujudkan sebagai pusat pengembangan ilmu dan teknologi yang menggabungkan kepakaran dan kemahiran individu atau kumpulan khusus berkaitan bidang KKP untuk menjalankan kajian dan penyelidikan. ii) Kajian dan penyelidikan yang dilaksanakan boleh bersifat asas, gunaan dan strategik. Ia juga terfokus dan silang disiplin yang menuntut penggabungan kekuatan kepakaran berbagai-bagai rumpun ilmu dari pelbagai aspek yang berkaitan dengan KKP. iii) Hasil kajian atau penyelidikan yang dihasilkan diharapkan dapat membantu serta menambahbaik KKP kepada pekerja-pekerja sama ada dari segi penggubalan dasar, pelaksanaan, penguatkuasaan dan pembangunan teknologi berkaitan KKP di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa. iv) Selain itu, pengiktirafan COE KKP juga tidak terhad hanya kepada universiti-universiti. Ianya boleh diberi kepada pelbagai organisasi sedia ada yang relevan seperti Makmal Penyelidikan, Pusat Penyelidikan, Institut Penyelidikan dan Pusat Perkhidmatan. v) Inisiatif ini diyakini akan mengangkat para ilmunan, pakar rujuk dan pengamal dalam bidang KKP untuk menyumbang terhadap bidang KKP dengan lebih aktif dan signifikan.
JUSTIFIKASI	i) Penubuhan COE KKP secara umumnya adalah penting bagi meningkatkan sumbangan pihak universiti dan pusat-pusat penyelidikan dalam penyelidikan dan pendidikan selain menjadi tunggak kepada kegiatan penyelidikan dan pembangunan serta inovasi (R&D&I) dalam bidang KKP.

	ii) Manakala secara khususnya kepentingan pengiktirafan COE KKP adalah seperti berikut: - Pengiktirafan kerajaan atas penubuhan COE KKP dan kajian-kajian yang dijalankan. - Pengagihan sumber pembiayaan penyelidikan dan aktiviti berkaitan KKP negara yang lebih berkesan. - Mempertingkatkan jaringan/ kolaborasi dalam bidang KKP antara COE, kerajaan, swasta/ industri dan NGO di peringkat dalam dan luar negara. - Mengoptima kecemerlangan COE KKP dan output kajian-kajian dalam bidang KKP bagi kegunaan pelbagai pihak. - Keutamaan sebagai pusat pengajar dan latihan dalam bidang kecemerlangan yang ditentukan
KAEDAH PELAKSANAAN	Peranan MPC adalah seperti terma rujukan berikut: 1. Mencadangkan lantikan ahli-ahli panel penilai dan lembaga penilai yang telah dipersetujui oleh pihak Jabatan. 2. Mengurus dan menyelaras lawatan fizikal pasukan panel penilai ke institusi/ organisasi pemohon bagi tujuan verifikasi/ audit seperti kemudahan penginapan, logistik dan lain-lain mengikut keperluan. 3. Menguruskan laporan penilaian beserta dokumen sokongan yang dikemukakan oleh pasukan panel penilai sebelum membentangkannya dalam mesyuarat Lembaga Penilai bagi tujuan mendapatkan keputusan pengiktirafan. 4. Menyediakan laporan penuh permohonan pengiktirafan COE KKP bagi sesebuah organisasi/ institusi kepada Jabatan. 5. Memastikan segala laporan, rekod dan dokumen berkaitan pengiktirafan sesebuah organisasi/ institusi sebagai COE KKP disimpan dan dapat dikemukakan pada bila-bila masa jika diperlukan. 6. Bertindak sebagai focal point terhadap sebarang pertanyaan berhubung proses pengiktirafan COE KKP. 7. Berkomunikasi dengan pemohon di sepanjang proses pengiktirafan seperti memberikan maklum balas berkenaan status permohonan, maklumat/ dokumen tambahan jika diperlukan serta keputusan pengiktirafan daripada lembaga penilaian. 8. Menguruskan segala pembayaran tuntutan honorarium dan imbuhan balik ahli-ahli Panel Penilai dan Lembaga Penilai yang telah dilantik.

	9. Berhubung dengan pihak koordinator Jabatan bagi sebarang perkara melibatkan proses pengiktirafan COE KKP. 10. Mencadangkan dan menambahbaik dari semasa ke semasa garis panduan pengiktirafan COE KKP										
STAKEHOLDERS/ PIHAK BERKEPENTINGAN	1. Institusi Pendidikan Awam atau Swasta 2. Agensi di bawah Kementerian 3. Swasta										
KUMPULAN SASAR	1. Institusi Pendidikan Awam atau Swasta (Fakulti, Jabatan, Pusat, Koordinator, UKM Lestari, Biolab serasi) 2. Agensi di bawah Kementerian (NIOSH, MARDI, STRIDE, ASM) 3. Swasta (Makmal, Jabatan, R&D, Petronas, Research Sdn Bhd, TNB Research Sdn Bhd)										
SUMBER BAJET/ KOS	TIADA										
HASIL (RM) - SEKIRANYA ADA	Sekiranya diluluskan, JKPP bersetuju untuk membayar yuran profesional kepada MPC sebanyak RM30,000.00.										
SYOR	Memohon pertimbangan BOM bagi cadangan berikut: <table> <tr> <th>CADANGAN DITERIMA</th><th>CADANGAN DITOLAK</th></tr> <tr> <td>1. Bebanan kerja yang banyak dan ianya mengambil tempoh masa yang agak lama iaitu sepanjang tahun 2023.</td><td>1. Pegawai boleh fokus untuk kerja-kerja yang lebih penting untuk mencapai KPI utama MPC dan ianya memerlukan komitmen dan fokus yang tinggi.</td></tr> <tr> <td>2. Menjalin kolaborasi strategik antara MPC dan JPPK, KSM</td><td>2. Tiada jalinan kolaborasi antara MPC dan JPPK, KSM</td></tr> <tr> <td>3. Fokus hanya kepada keselamatan dan kesihatan pekerja</td><td>3. Penekanan MPC adalah kepada fasilitasi dan koordinasi peningkatan bakat untuk skala yang besar</td></tr> <tr> <td>4. Kekurangan kapasiti pegawai sedia ada untuk aktiviti-aktiviti koordinasi, pengauditan, penilaian, penyediaan laporan dan sebagainya.</td><td>4. Kapasiti pegawai sedia ada memberi keutamaan kepada inisiatif Madani yang diarahkan oleh KSN untuk menumpukan penambahbaikan kepada kesejahteraan rakyat.</td></tr> </table>	CADANGAN DITERIMA	CADANGAN DITOLAK	1. Bebanan kerja yang banyak dan ianya mengambil tempoh masa yang agak lama iaitu sepanjang tahun 2023.	1. Pegawai boleh fokus untuk kerja-kerja yang lebih penting untuk mencapai KPI utama MPC dan ianya memerlukan komitmen dan fokus yang tinggi.	2. Menjalin kolaborasi strategik antara MPC dan JPPK, KSM	2. Tiada jalinan kolaborasi antara MPC dan JPPK, KSM	3. Fokus hanya kepada keselamatan dan kesihatan pekerja	3. Penekanan MPC adalah kepada fasilitasi dan koordinasi peningkatan bakat untuk skala yang besar	4. Kekurangan kapasiti pegawai sedia ada untuk aktiviti-aktiviti koordinasi, pengauditan, penilaian, penyediaan laporan dan sebagainya.	4. Kapasiti pegawai sedia ada memberi keutamaan kepada inisiatif Madani yang diarahkan oleh KSN untuk menumpukan penambahbaikan kepada kesejahteraan rakyat.
CADANGAN DITERIMA	CADANGAN DITOLAK										
1. Bebanan kerja yang banyak dan ianya mengambil tempoh masa yang agak lama iaitu sepanjang tahun 2023.	1. Pegawai boleh fokus untuk kerja-kerja yang lebih penting untuk mencapai KPI utama MPC dan ianya memerlukan komitmen dan fokus yang tinggi.										
2. Menjalin kolaborasi strategik antara MPC dan JPPK, KSM	2. Tiada jalinan kolaborasi antara MPC dan JPPK, KSM										
3. Fokus hanya kepada keselamatan dan kesihatan pekerja	3. Penekanan MPC adalah kepada fasilitasi dan koordinasi peningkatan bakat untuk skala yang besar										
4. Kekurangan kapasiti pegawai sedia ada untuk aktiviti-aktiviti koordinasi, pengauditan, penilaian, penyediaan laporan dan sebagainya.	4. Kapasiti pegawai sedia ada memberi keutamaan kepada inisiatif Madani yang diarahkan oleh KSN untuk menumpukan penambahbaikan kepada kesejahteraan rakyat.										

	5. Menawarkan hasil sebanyak RM30,000.00 dan ianya tidak setimpal dengan pelantikan yang dicadangkan.	5. Tiada hasil
UNIT/ BAHAGIAN	Peningkatan Bakat/ PP	

Hanya untuk permohonan yang menggunakan Bajet Pembangunan dari Unit/Bahagian lain. Kolum ini boleh diabaikan sekiranya tidak berkaitan.
DISOKONG OLEH: -TIDAK BERKENAAN- NAMA PEGAWAI PENJAGA BAJET PEMBANGUNAN Jawatan: -TIDAK BERKENAAN- Nama Bajet: -TIDAK BERKENAAN- Tarikh:

**Wajib diisi	**Wajib diisi	Permohonan memadai disemak sehingga peringkat Penyelia. Kolum ini boleh diabaikan sekiranya tidak berkaitan
DISEDIAKAN OLEH: SITI SAKINAH MOHD ZAKI Penolong Pengurus, 18 April 2023	DISEMAK OLEH: DR. SURIATI ZAINAL ABIDIN Timbalan Pengarah, 18 April 2023	DISAHKAN OLEH: MOHAMAD MUZAFFAR ABDUL HAMID Pengarah, 18 April 2023

-PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA-